


20. Latihan Kebakaran

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

penggera kecemasan

latihan kebakaran

panik

beratur

pengumuman

menerangkan

Rabulalu, saya menghadiri kelas seperti biasa. Ketika Cikgu Syafiqah sedang mengajar, kami terdengar bunyi **penggera kecemasan**. Semua murid mula **panik**.

Tiba-tiba, kami terdengar **pengumuman** oleh pengetua sekolah. Dia berkata bahawa ini hanyalah satu **latihan kebakaran**. Dia juga memberitahu kami agar jangan cemas dan mengarahkan kami untuk ke padang sekolah.

Cikgu Syafiqah menyuruh kami **beratur** dan membawa kami ke padang sekolah. Ini adalah kali pertama saya mengalami latihan kebakaran.

Setelah semua orang tiba di padang, pengetua sekolah pun membuat satu lagi pengumuman. Dia **menerangkan** bahawa kita harus menjalani latihan tersebut agar kita bersedia jika benar-benar berlaku kebakaran. Barulah kami mengerti.